

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

TESCO KOMITED BERKERJASAMA DENGAN KPDNHEP DALAM KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

KAJANG, 30 Januari 2020 – YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hari ini merasmikan Kempen Beli Barangan Malaysia di sini.

Pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) pada tahun ini adalah lanjutan daripada tahun 2019 dengan kepelbagaian strategi dan mekanisma untuk memperkenalkan produk-produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke dalam sektor peruncitan melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat peruncitan utama negara ini, sehingga produk-produk tempatan ini mampu menembusi pasaran hypermarket, pasar raya dan kedai serbaneka di seluruh negara.

Kementerian menghargai sokongan yang diterima daripada pihak Tesco Malaysia yang telah memberikan komitmen dalam membantu menjayakan inisiatif KBBM ini di mana Tesco Malaysia telah banyak membantu memberikan laluan dan tempat kepada usahawan-usahawan PKS tempatan di enam puluh (60) buah outlet Tesco di seluruh negara. Pada pelancaran hari ini juga, sejumlah 13 syarikat PKS baru telah diberi peluang untuk disenaraikan di Tesco dengan dikecualikan daripada dikenakan yuran penyenaian (*Listing Fee*).

Pada separuh kedua tahun 2019, produk-produk buatan Malaysia telah mencatatkan hasil jualan berjumlah RM406,189,695.00 di seluruh rangkaian hypermarket Tesco di seluruh negara. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.3 peratus berbanding pada tahun sebelumnya.

KBBM turut menerima kerjasama dan sokongan daripada peruncit-peruncit utama di negara ini dan juga daripada perniagaan atas talian (*marketplace*) seperti Lazada, Shopee, Presto Mall dan Rokki.com Air Asia. Melalui kempen ini, kementerian berhasrat untuk membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan dan memperluaskan produk dan perkhidmatan mereka selain memberikan dorongan kepada pengusaha-pengusaha tempatan dalam menghasilkan produk-produk yang setanding dengan produk luar negara yang diimport.

###
